

# HARI KELUARGA AIR WARFARE CENTRE TUDM 2018

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4267-hari-keluarga-air-warfare-centre-tudm-2018](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4267-hari-keluarga-air-warfare-centre-tudm-2018)

HULU LANGAT - AWC TUDM telah mengadakan hari keluarga bertempat di Agroteknologi Garden Resort, Hulu Langat pada 15 hingga 16 Dis 18. Seramai hampir 30 orang staf dan keluarga telah menyertai hari keluarga pada kali ini.

Pelbagai acara telah diadakan bagi memeriahkan lagi program antaranya ialah makan malam, tayangan final bola sepak antara Malaysia menentang Vietnam, cabutan bertuah dan sukaneka.

Program sebegini diadakan bertujuan untuk mengeratkan ukhwah sesama kakitangan disamping dapat merasai suasana berbeza dari kesibukan tempat kerja. Program diakhiri dengan ucapan penutup oleh Komander AWC dan jamuan makan tengahari.



